

LET'S EXPLORE LIFE CHANGING OPPORTUNITY WITH LINKEDIN

NUR SYAZA FARHANAH YUSRIN, AMELIA FARZANA ZOLKIFFLI & SHARIFAH FAATIHAH SYED MOHD FUZI

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI, UiTM KAMPUS SEREMBAN

Pada 16 April 2022, Persatuan Corporate Administration Student Society (CASS) dan Persatuan Bachelor of Environmental Administration (BEVA) di bawah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Kampus Seremban telah mengadakan program "Let's Explore Life Changing Opportunity with LinkedIn". Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar tentang aplikasi LinkedIn serta tatacara penggunaannya. Aplikasi LinkedIn ini dijangka dapat membantu pelajar dalam mencari pekerjaan atau latihan industri. Ini kerana, masih terdapat segelintir pelajar yang belum mempunyai pengetahuan mengenai aplikasi tersebut. Oleh yang demikian, pelaksanaan program ini amat diperlukan bagi meningkatkan pengetahuan pelajar dalam menyiapkan diri mereka sebelum menempuh alam pekerjaan.

Program ini juga bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan salah satu jaringan kerjaya terkemuka yang digunakan oleh ahli profesional. Wakil pihak profesional dalam industri telah dijemput bagi menerangkan dan menjawab segala pertanyaan daripada pelajar mengenai proses menghasilkan profil diri yang sesuai dan berpotensi dalam menarik minat majikan. Program ini telah dijalankan di aplikasi Youtube Live di saluran kelab CASSFSPPP serta Google Meet.

Apakah itu LinkedIn?

LinkedIn merupakan rangkaian profesional yang terbesar di dunia di Internet. Aplikasi LinkedIn ini digunakan dalam mencari pekerjaan, latihan industri, menyambung dan mengukuhkan hubungan profesional, serta mempelajari kemahiran yang diperlukan dalam kerjaya.



LinkedIn boleh diakses dari laman sesawang, ataupun aplikasi mudah alih LinkedIn. Aplikasi LinkedIn juga boleh digunakan bagi mengatur acara di luar talian, menulis artikel, memaparkan gambar atau video serta pelbagai lagi fungsi yang lain. LinkedIn dilihat sebagai salah satu cara yang mudah dalam menempatkan setiap individu dalam kalangan golongan profesional serta menjimatkan kos.

Penceramah jemputan yang dipilih adalah mereka yang aktif dalam menggunakan aplikasi LinkedIn. Penceramah pertama, Encik Aziph Mustapha merupakan Ketua Transformasi Budaya dan Penglibatan Pekerja di Celcom Axiata. Manakala, penceramah kedua, Encik Nazrul Irfanradi merupakan LinkedIn Freelance Speaker. Ilmu pengetahuan daripada pakar amat diperlukan bagi memastikan kepentingan dan cabaran semasa menggunakan aplikasi LinkedIn dapat diketahui dan diatasi oleh peserta program.

The poster is for a YouTube Live event titled "LET'S EXPLORE LIFE CHANGING OPPORTUNITY WITH LINKEDIN". It is scheduled for 16TH APRIL 2022 from 3:00 P.M. to 5:00 P.M. on the YouTube Live channel CASSFSPPP. The event is organized by the University of Technology MARA (UiTM) Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi and BEVA. Two speakers are featured: AZIPH MUSTAPHA, Celcom Axiata Head of Culture Transformation & Employee Engagement, and NAZRUL IRFANRADI, a LinkedIn Freelance Speaker & Consultant and Former Maybank Student Ambassador. The poster includes QR codes for more information and contact details for CASSFSPPP and BEVAFSPPP.

Sebab Utama Program Dijalankan

Pengangguran merupakan antara fokus utama yang perlu diberi perhatian terutamanya semasa pemulihan pasca COVID-19. Semasa pandemik COVID-19, peningkatan jumlah pengangguran dan rakyat yang hilang pekerjaan dilihat telah meningkat. Situasi tersebut meninggalkan impak yang tinggi terutamanya kepada sektor ekonomi negara serta individu. Tambahan pula, terdapat isu-isu yang melibatkan graduan universiti di antaranya adalah peluang pekerjaan baharu semakin berkurangan serta gaji yang ditawarkan pula tidak setimpal dengan kelayakan dan latar belakang kelayakan pengajian pelajar. Keadaan ini akan menjejaskan daya produktiviti graduan memandangkan para graduan tidak dapat menerapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi mereka dalam bidang pekerjaan. Namun demikian, graduan dilihat sebagai sumber tenaga berkemahiran tinggi yang dapat memberikan impak secara langsung dan tidak langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan adanya program seperti ini, ia dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan meningkatkan kemahiran serta mengumpul data atau profil graduan yang lebih berpusat dan cekap. Pendedahan dan galakan kepada pelajar untuk mengikuti program seperti ini juga boleh meningkatkan nilai tambah serta kualiti diri pelajar. Ianya juga sejajar dengan inisiatif pembangunan mapan yang mementingkan kemajuan negara dengan arus teknologi masa kini.

Maklumbalas Peserta Program

Melalui program yang telah dijalankan, ianya telah memberi impak yang positif kepada peserta secara umumnya serta pelajar universiti yang terlibat khususnya. Sepanjang program ini berlangsung, maklumbalas yang diterima adalah pengisian yang menarik dan bermanfaat daripada kedua-dua penceramah jemputan, peserta dapat menyediakan profil diri dan mempromosi kualiti diri mereka. Peserta juga dapat mempelajari ilmu baharu dengan aplikasi LinkedIn yang dipelajari.

Di samping itu, dapat dilihat bahawa peserta berminat untuk meneroka dengan lebih mendalam dan menggunakan aplikasi ini bagi memudahkan proses mereka mencari pekerjaan dan memberikan mereka peluang untuk menonjolkan diri dengan lebih proaktif.



Sebagai rumusan, aplikasi LinkedIn merupakan salah satu platform yang signifikan dalam menyerlah bakat serta menarik perhatian pihak profesional dan majikan. Penganjuran program seperti ini dapat membantu pelajar bagi menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan potensi diri dengan literasi kemahiran digital. Justeru, aplikasi LinkedIn ini mempunyai banyak manfaat kepada semua lapisan masyarakat terutamanya graduan dalam menangani isu kebolehpasaran.